



TEKS UCAPAN AMANAT TAHUN BAHARU 2023

**YAS KPj.(PA) AMINURRAHIM BIN MOHAMED
KETUA PESURUHJAYA
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya kita dapat mengecapi Tahun Baharu Masihi 2023. Saya selaku Pengurusan Tertinggi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Bersama barisan kepimpinan pegawai kanan APM ingin mengucapkan Selamat tahun Baharu kepada seluruh warga APM di seluruh negara. Semoga tahun 2023 ini akan memberikan semangat kepada kita semua dalam menggalas amanah dan tanggungjawab dengan lebih berdedikasi dan cemerlang untuk peningkatkan mutu dan pencapaian perkhidmatan APM.
2. Warga APM sekalian saya ingin menyatakan penghargaan kepada seluruh warga kerja APM di atas komitmen, keazaman dan kerja berpasukan yang telah ditunjukkan dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan sepanjang tahun ini. Tanpa kerjasama yang erat dari

semua pihak, kejayaan yang dikehendaki kita pada tahun ini tidak akan dapat dicapai.

3. Sedia maklum disember adalah penghujung bulan tahun 2022. Kita bakal melabuhkan tirai dan akan membuka lembaran baharu bagi tahun 2023. Sangkakan panas hingga ke petang rupanya hujan disiang hari. Itulah ungkapan yang dapat disesuaikan sebagai barisan hadapan bila mana. Baru sahaja mahu mentiti Bahagia setelah pandemik melabuhkan tirai. Namun, kita sekali lagi diuji pada tahun dengan peristiwa yang cukup menyayat hati melibatkan Tragedi tanah runtuh di Fathers Organic Farms Batang Kali Selangor yang telah mengejutkan seluruh rakyat Malaysia. Tragedy ini telah mengorbankan seramai 30 orang mangsa.
4. Bencana yang datang silih berganti. Namun, saya percaya kesiapsiagaan telah kita siapkan mampu menunjukkan bahawa kita sentiasa bersedia dalam apa jua bencana yang melanda. Hal ini merujuk kepada baru-baru ini luruan monsun pertama yang melibatkan negeri pantai timur terengganu, Kelantan, Pahang dan lain-lain negeri telah memberi kesan kepada rakyat kerana melibatkan kerosakan harta benda. Bencana yang melanda di negeri ini bukan setakat telah merosakan harta benda malah ianya telah menyebabkan kehilangan nyawa.
5. Saya percaya disamping kita menjaga keselamatan orang awam pasti ada dalam kalangan pegawai dan anggota yang terkesan

dengan bencana yang menimpa. Saya menyeru kepada seluruh kepada semua pengarah negeri yang berkaitan untuk memastikan memberi keutamaan bantuan kebajikan kepada warga APM kita juga.

6. Saya selaku Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia berduakacita atas kehilangan nyawa semasa Tragedi Tanah Runtuh Batang Kali dan Banjir Besar di Terengganu dan Kelantan. Selain itu, Saya ingin mengucapkan salam takziah buat keluarga mangsa dan berdoa agar diberikan ketabahan juga kecekalan dalam menempuh ujian hidup ini.
7. Hikmah sebalik tragedi dan kesedihan yang telah berlaku ini, sedikit sebanyak menyerlahkan semangat Kerjasama dan bantu membantu antara satu sama yang lain, tanpa mengira kaum, agama dan juga pangkat. Untuk anggota dan warga APM yang bertungkus lumus dalam membantu Operasi Tragedi Tanah Runtuh saya mengucapkan ribuan terima kasih jasa anda Allah sahaja yang akan membalaunya. Kata orang jadi anggota APM belum tentu kenyang makannya, belum tentu lena tidurnya demi tugas mereka ini sanggup menjadi lilin yang membakar diri, bersusah payah dalam berjuang membantu dan berbakti kepada masyarakat dikala memerlukan meskipun keluarga sering ditinggalkan.
8. Selain tu, saya turut memanjangkan ucapan penghargaan dan terima kasih terima kasih kepada Pegawai Kehormat, Pegawai Bersekutu, CDERT APM, sukarelawan APM dalam membantu dan

menyelaraskan misi bantuan bencana semasa banjir serta melakukan kerja-kerja pemulihan pasca banjir.

9. Dalam mendepani cabaran pengurusan APM dilihat kekal seiring bahkan mampu terkehadapan dengan kemampuan penguasaan kemahiran dan penyediaan peralatan yang canggih telah dibekalkan. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan kberadaan APM untuk duduk dan berditri sama taraf Bersama pasukan penyelamat yang lain dalam apa juu keadaan.

Warga APM yang saya kasih,

10. Sempena tahun 2023 ini marilah kita menaikkan nama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan membina kekuatan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dari pelbagai sudut. Mencipta revolusi, meningkatkan integriti, berdaya saing bersama pasukan lain-lain agensi. Jangan dilupakan misi dekad platinum kearah mengantarabangsakan perkhidmatan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Akhirul kalam, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru 2023 kepada semua warga Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.